

Bil. 27

Selasa

30 Oktober 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Pertanyaan Mengenai Status Had Umur Mengundi**
- *YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)*

[Halaman 1]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 30 Oktober 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Pertanyaan Mengenai Status Had Umur Mengundi

2.35 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan isu status had umur layak mengundi yang bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Berdasarkan beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Kabinet, kerajaan kini dalam usaha untuk menurunkan had umur layak mengundi di negara ini daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Berikutan daripada cadangan dasar itu, beberapa Menteri Kabinet juga telah mengusahakan agar pendedahan kepada proses demokrasi tersebut boleh diterapkan bermula dari peringkat sekolah yang mana pendedahan mengenai politik juga akan dimulakan kepada pelajar di peringkat menengah atas.

Oleh itu, apakah jaminan kerajaan agar usaha ini tidak akan dieksploitasi oleh mana-mana individu atau parti untuk berpolitik di dalam sekolah yang mana ia bertentangan dengan semangat Pakatan Harapan sebelum ini agar tidak menjadikan sekolah sebagai medan berpolitik. Apakah justifikasi pihak kerajaan yang bahawasanya dasar ini akan lebih mendatangkan kebaikan daripada keburukan dalam proses

penggubalan polisi negara. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong atas pertanyaan mengenai Status Had Umur Mengundi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan urusan perjalanan pilihan raya, pendaftaran pemilih dan persempadanan bahagian pilihan raya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Seiring dengan transisi zaman, masa dan teknologi, cabaran yang dihadapi oleh SPR dalam menguruskan fungsi yang dipertanggungjawabkan juga menjadi semakin kompleks.

Bagi menangani cabaran terhadap sistem demokrasi di negara ini, SPR melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah memperkenalkan Program Pendidikan Pengundi mulai tahun 2017. Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman terhadap proses pilihan raya yang dijalankan di negara ini di samping menjawab isu-isu yang kerap dibangkitkan semasa pilihan raya. Program ini juga memberikan pendedahan, ilmu pengetahuan serta mendidik masyarakat mengenai erti demokrasi dan pengurusan pilihan raya yang diamalkan di negara ini. Selain itu, program ini diharapkan dapat melahirkan pengundi yang matang dan masyarakat yang meraikan demokrasi dengan cara yang sihat.

Pada tahun 2017, Program Pendidikan Pengundi yang dijalankan memberi tumpuan kepada pelajar institusi pengajian tinggi. APR telah menjalankan kerjasama strategik dengan universiti awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) serta Institut Pendidikan Guru (IPG). Hasilnya, sebanyak 102 Program Pendidikan Pengundi telah berjaya diadakan dengan penyertaan seramai 31,355 orang pelajar yang berumur di antara 18 hingga 26 tahun.

Berdasarkan kepada pencapaian dan juga maklum balas positif yang diterima daripada penganjuran Program Pendidikan Pengundi di institusi pengajian tinggi pada tahun 2017, SPR telah bercadang untuk memperluaskan program ini kepada pelajar sekolah-sekolah menengah. Sehubungan itu, sebagai projek rintis untuk Program Pendidikan Pengundi di peringkat sekolah menengah, SPR telah bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada tahun 2018 bagi menganjurkan Program Pendidikan Pengundi di semua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Sehingga 15 Oktober 2018, APR telah berjaya menganjurkan Program Pendidikan Pengundi di 23 buah MRSM dengan jumlah penyertaan seramai 3,873 orang pelajar. Selaras dengan hasrat SPR untuk mendekati lebih ramai golongan muda termasuk pelajar-pelajar sekolah, SPR telah memperkenalkan Program APR *Associate Trainer* atau lebih dikenali dengan nama AAT.

■1440

Melalui program tersebut, SPR dapat melatih lebih ramai penceramah dan jurulatih yang mampu untuk bersama-sama dengan APR bagi menyampaikan maklumat tentang proses pilihan raya di Malaysia kepada pelajar sekolah dan masyarakat umum di seluruh negara. AAT dipilih daripada kalangan mahasiswa universiti yang mempunyai tahap kesukarelawanan serta menunjukkan komitmen yang tinggi.

Setakat ini, APR mempunyai seramai 633 orang AAT dari universiti awam seluruh negara yang telah melalui proses saringan yang dijalankan oleh pihak APR. Daripada jumlah tersebut, seramai 219 orang AAT telah mengikuti latihan intensif oleh APR pada bulan Ogos 2018 dan diberi peluang untuk menyampaikan taklimat pendidikan pengundi kepada pelajar-pelajar MRSM. Taklimat yang disampaikan oleh AAT yang terlibat turut dipantau dan dinilai oleh pegawai APR.

Selain itu, bagi memberi pendedahan dan pengalaman sebenar kepada para pelajar universiti tersebut tentang proses pilihan raya, SPR telah menjemput mereka sebagai pelawat semasa Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri N.32 Seri Setia, Selangor dan Pilihan Raya Kecil Parlimen P.132 Port Dickson, di Negeri Sembilan untuk menyaksikan proses pengundian, pengiraan undi, penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya. Program ini akan diteruskan pada masa akan datang agar pendedahan dapat diberikan kepada lebih ramai mahasiswa tentang proses demokrasi di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pendidikan Pengundi kendalian SPR hanya menerangkan tentang fungsi SPR, proses pilihan raya yang merangkumi simulasi pengundian dan juga pengiraan undi serta menjawab isu dan cabaran berkaitan pengurusan pilihan raya. Program ini tidak menyentuh mengenai ideologi dan perkara-perkara berkaitan parti politik.

SPR percaya pendedahan awal mengenai hak dan juga tanggungjawab mengundi kepada golongan ini boleh menjadikan mereka lebih bersedia sekiranya cadangan menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun dilaksanakan kelak. Mereka ini akan menjadi pengundi yang lebih matang dan faham akan hak serta tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

Program seumpama ini telah dilaksanakan di negara-negara seperti di Australia dan India serta dilihat memberi impak positif terhadap kefahaman mengenai demokrasi dan pilihan raya di negara-negara terlibat. Sehubungan itu, SPR sangat mengharapkan kerjasama serta sokongan daripada semua pihak dalam meneruskan dan juga mengembangkan Program Pendidikan Pengundi agar demokrasi kekal terpelihara di negara kita yang kita sayangi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 31 Oktober 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.43 petang]